



# **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## **KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor penyiap yang telah diberikan **Sijil Kontraktor Penyiap** oleh Kementerian Kerja Raya (KKR), mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang masih sah tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| <b>NO. TENDER</b>  | <b>PERIHAL KERJA</b>  | <b>HARGA DOKUMEN/<br/>TARIKH MULAI<br/>DIJUAL</b>   | <b>SYARAT PENDAFTARAN</b>  |
|--------------------|---|---|--|
| MBJB/K/<br>21/2023 | <p>Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina Semula Pejabat Jabatan Landskap Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Hutan Bandar, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 1.3.2023 (Rabu)<br/>&amp; Lawatan Tapak<br/>Tempat : Unit Projek &amp; Penyelenggaraan Bangunan, Jabatan Kerja Awam Aras 12, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 Pagi<br/>Tarikh Tutup Tender : 21.3.2023 (Selasa)<br/>Jam : 12.00 tengahari<br/>No. Fail : MBBJ/U/2023/31/PRO/2</p> <p><b>*TAKLIMAT PEJABAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*</b></p> | <p>RM300.00</p> <p>1.3.2023<br/>hingga<br/>19.3.2023</p> <p>(Rujuk<br/>Perenggan<br/>4)</p> | <p>CIDB<br/>Gred : G6<br/>Kategori : B<br/>Pengkhususan :<br/>B04 DAN<br/>Mempunyai Sijil<br/>Kontraktor<br/>Penyiap Dari<br/>Kementerian<br/>Kerja Raya (KKR)<br/>Dan<br/>berdaftar<br/>dengan JCCD<br/>(Sijil Kontraktor<br/>Johor)</p> <p><b>HANYA<br/>PENAMA<br/>DALAM SIJIL<br/>CIDB/KKM<br/>Dibenarkan<br/>Hadir Taklimat<br/>/Lawatan<br/>Tapak</b></p> |

2. Penender diwajibkan untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan sebelum pendaftaran taklimat dilakukan melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan maklumat yang didaftarkan di dalam sistem iPerolehan haruslah sama dan tepat sebagaimana lesen asal yang terkini dan menepati syarat pendaftaran sebut harga / tender yang diiklankan. Sekiranya berlaku masalah ketika pendaftaran kehadiran taklimat akibat maklumat yang diberikan tidak menepati syarat lesen pendaftaran, pihak MBBJ tidak bertanggungjawab sekiranya pendaftaran kehadiran syarikat ditolak oleh pihak MBBJ. Bagi petender yang belum mendaftar Sijil Kontraktor Johor (JCCD) boleh mendaftar dilaman sesawang <https://skj.jccd.com.my/user/register>.
3. Pendaftaran taklimat pejabat akan dilakukan secara bersemuka pada tempat, tarikh dan masa seperti jadual tertera di atas. Hanya penama di dalam lesen sahaja yang dibenarkan mendaftar (**TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**) dan hanya syarikat yang disahkan untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian.
4. Pembelian dokumen tender boleh dilakukan semasa waktu pejabat di **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Majlis Bandaraya Johor Bahru** mulai tarikh yang ditetapkan di atas dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem eKhidmat (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila Rujuk sistem iPerolehan MBBJ bagi penjualan tersebut.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil-sijil ASAL berserta satu salinan setiap sijil semasa membeli dokumen tender sebagaimana berikut:
  - 5.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB;
  - 5.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (BPKU);
  - 5.3 Sijil Kontraktor Penyiap Dari Kementerian Kerja Raya (KKR);
  - 5.4 Sijil Kontraktor Johor (JCCD);
  - 5.5 No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
6. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Pelaksana** pada waktu pejabat mulai Tender ini diiklankan iaitu pada **20.2.2023 (Isnin)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

